

728,642 individu  
menjadi peminjam  
Kredit Komuniti

**Kuala Lumpur:** Seramai 728,642 individu menjadi peminjam Kredit Komuniti pada tahun 2020 sejak ia dijenamakan semula setahun sebelum itu.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam satu kenyataan berkata, tiada syarat khusus yang ditetapkan untuk permohonan bagi mendapatkan pinjaman dalam Seksyen 8, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).

Bagaimanapun seseorang peminjam hendaklah menanggung duti setem dan fi pengakusaksian bagi sesuatu perjanjian.

Katanya, ia bagaimanapun hanya dilaksanakan apabila pengeluaran duit kepada peminjam dibuat di mana jumlah yang perlu ditanggung oleh peminjam hendaklah didapati balik oleh Pemberi Pinjam Wang melalui pengurangan jumlah pinjaman selaras dengan hutang yang perlu dibayar.

Menurutnya, tiada istilah pembayaran sebelum sesuatu perjanjian ditandatangani dan disetemkan serta tiada caj lain yang boleh dikenakan ke atas peminjam.

Perjanjian mestilah dilaksanakan di dalam premis Kredit Komuniti berdaftar sahaja dan tiada perjanjian dibuat secara dalam talian (internet), telefon, surat atau di luar premis yang berdaftar.

“Bagi senarai semak Kredit Komuniti yang berdaftar, ia boleh dibuat melalui aplikasi i-KrediKom ataupun mengemukakan pertanyaan di Sistem Aduan Bersepadu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,” katanya.

Kenyataan itu menyebabkan seseorang peminjam haruslah menjalankan semakan wajar sebelum bersejua dengan sesuatu perjanjian bersama syarikat Kredit Komuniti untuk memastikan ia benar-benar berdaftar dan mempunyai lesen yang sah.

Katanya, perjanjian mestilah disetemkan dan diberikan satu salinan perjanjian secara percuma kepada peminjam sebelum pengeluaran wang kepada peminjam.

“Seseorang peminjam hanya boleh menerima wang pinjaman daripada



**Sehingga 31 Disember 2021, jumlah syarikat Kredit Komuniti yang didaftarkan adalah sebanyak 4,870 syarikat”**

#### **Kenyataan KPKT**

syarikat Kredit Komuniti selepas perjanjian itu disetemkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan dihantar kepada peminjam.

“Sehingga 31 Disember 2021, jumlah syarikat Pemberi Pinjam Wang berlesen atau Kredit Komuniti yang didaftarkan adalah sebanyak 4,870 syarikat,” katanya.

Menurutnya, sebelum meminjam, peminjam perlu menyemak status lesen syarikat iaitu yang mempunyai lesen aktif di bawah Akta 400.

Mereka juga diingatkan tidak menandatangani perjanjian kosong atau tidak jelas maksudnya kerana ia satu kesalahan di bawah Seksyen 10P dan Seksyen 27B, Akta 400 serta syarikat terhabit boleh dikenakan denda ataupun penjara ataupun kedua-duanya sekali sekiranya didapati bersalah.

“Peminjam hendaklah menerima dan menyimpan satu salinan perjanjian yang dimatikan setem secara percuma daripada syarikat Kredit Komuniti berdaftar sebelum sesuatu pinjaman wang diberikan.

“Mereka perlu elakkan menghubungi sebarang iklan yang meragukan dan tidak jelas butirannya seperti nama syarikat, nombor lesen Pemberi Pinjam Wang, nombor permit iklan, alamat dan nombor telefon.

“Setiap peminjam berhak mendapatkan penjelasan bagi terma pinjaman termasuk kadar faedah tetap di dalam perjanjian melalui Jadual Pertama dalam Jadual J ataupun Jadual K, jumlah wang pokok diberikan, jumlah wang bagi setiap bayaran balik ansuran dan jumlah wang bagi bayaran balik ansuran sebelum menandatangani perjanjian di premis Kredit Komuniti berdaftar,” katanya.